

# Tambang bas henti-henti tidak akan dinaikkan

Kerajaan ambil kira kebijakan golongan berpendapatan B40

Oleh Mohd Azone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan tidak akan menaikkan kadar tambang bas henti-henti walaupun ada desakan daripada pengendali perkhidmatan itu.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata keputusan itu dibuat kerana kerajaan perlu memikirkan kebijakan golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

"Ada operator bas henti-henti yang memaklumkan saya mengenai kawasan dilalui tidak ramai penumpang dan merugikan, justeru mahu menaikkan tambang, namun kementerian tidak ber-setuju," katanya selepas melancarkan buku bertajuk *My Journey by Bus* di sini, semalam.

Sementara itu, Loke berkata, konsep perkhidmatan e-panggilan (e-hailing) atau teksi motosikal yang akan diperkenalkan di negara ini tidak akan membabitkan GoJek semata-mata.

Katanya, mana-mana syarikat e-hailing motosikal, termasuk Dego Ride akan dibenarkan beroperasi apabila undang-undang mengenai sistem pengangkutan awam itu siap dan diluluskan Parlimen.

"Ramai yang keliru dengan isu ini. Kabinet bukan beri kelulusan kepada GoJek semata-mata, tetapi memberi kelulusan konsep



**Kerajaan tidak bercadang menaikkan kadar tambang** walaupun ada desakan daripada pengendali bas henti-henti.  
(Foto hiasan)

perkhidmatan e-hailing motosikal atau teksi motosikal.

"Kalau kita sudah benarkan (lulus di Parlimen) perkhidmatan itu, mana-mana syarikat yang nak beroperasi perlu ikut kerangka undang-undang yang kita sediakan," katanya sambil menambah pihaknya diberi tempoh sebulan untuk menyediakan kerangka undang-undang berkaitan termasuk melaksanakan temoh percubaan.

Dalam pada itu, Loke berkata, kementerian mahu pemberhentian kemudahan membaharui cuai jalan kendaraan persendirian 2,000cc ke atas di pejabat pos di Sabah, Sarawak, Langkawi dan Labuan dikaji semula.

"Hanya bandar besar, khususnya di Sabah dan Sarawak mempunyai pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang pastinya menyukarkan pembaharuan cuai jalan masyarakat luar ban-

dar," katanya.

Mengulas mengenai caj perkhidmatan penumpang (PSC), Loke berkata, kerajaan berhak menentukan kadarnya kerana ia adalah pemilik lapangan terbang.

Katanya, Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) adalah pengendali dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom) adalah pengawal selia, dan kedua-duanya adalah entiti berkaitan kerajaan.

"Semua aset adalah milik kerajaan. Kadar (PSC) adalah keputusan Kabinet, bukan Kementerian Pengangkutan. Kami tidak merendahkan sesiapa pun," katanya semalam selepas pelancaran Fasa 2 Landasan Berkembar Lembah Klang di Serendah seperti dilaporkan BERNAMA.

Jumaat lalu, kerajaan mengumumkan PSC untuk penerbangan antarabangsa dikurangkan daripada RM73 kepada RM50 di

semua lapangan terbang di Malaysia, kecuali Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), berkuat kuasa 1 Oktober.

PSC bagi penerbangan ke ASEAN kekal pada RM35 dan RM11 bagi penerbangan domestik.

Persatuan Pengangkutan Uda-ra Antarabangsa (IATA) kelmarin dilaporkan berkata keputusan kerajaan campur tangan dan menurunkan caj PSC menjadikan kredibiliti Mavcom, dan akan merugikan KLIA berbanding lapangan terbang lain.

"Kerajaan juga telah menjadikan kredibiliti Mavcom. Mavcom dilantik sebagai pengawal selia ekonomi untuk lapangan terbang dan mempunyai mandat dan kuasa untuk menentukan caj lapangan terbang. Ini adalah proses dalam menetapkan caj lapangan terbang," Naib Presiden IATA Asia Pasifik, Conrad Clifford dipetik sebagai berkata.